

TARIKH : 2 MAC 2023
AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 8

'Kerajaan masih mampu kawal belanja'

'Kerajaan masih mampu kawal belanja'

Rafizi perjelas mengenai perbelanjaan negara khasnya melibatkan sektor pembinaan

KUALA LUMPUR

Kerajaan masih mempunyai ruang untuk mengawal perbelanjaan negara terutama melibatkan pembinaan supaya lebih berhemah dan lebih tepat dengan perancangan.

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli berkata, ia secara tidak langsung membantu kerajaan daripada segi keperluan hasil yang lebih baik.

Menurutnya, jika mampu mengawal perlaksanaan sebuah projek yang diluluskan dengan baik dan memastikan projek tersebut dilaksanakan dengan perbelanjaan yang telah diperuntukkan tanpa kenaikan kos dari setahun ke setahun, keperluan untuk berbelanja makin berkurangan.

"Apabila keperluan itu kurang, projek berjalan baik dan tiada kelewatian, oleh kerana kita berada dalam kedudukan defisit perbelanjaan, kuranglah keperluan peruntukan dan kurang berhutang.

"Bagi tempoh 12 ke 15 bulan ini, tida keperluan untuk (pengenalan) cukai baharu, Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) dan sebagainya.



RAFIZI



Keperluan berbelanja berkurang sekiranya mampu mengawal pelaksanaan sesebuah projek dengan baik dan memastikan penggunaan perbelanjaan diperuntukkan tanpa berlaku kenaikan kos.

"Kita mengatur perlaksanaan projek dengan lebih baik...itu akan membantu menambah hasil kerajaan," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan ucapan tama pada acara HSBC Asian Business Forum di sini pada Rabu.

Tegasnya, kerajaan harus melihat GST sebagai mekanisme pungutan cukai yang lebih baik bukannya untuk kerajaan mengutip cukai lebih banyak.

Beliau berkata di negara lain, apabila gaji rakyatnya sudah mencapai suatu tahap yang tinggi, majoriti rakyat akan membayar cukai.

"Cuma daripada segi kutipan proses untuk mendapatkan cukai ini, ia lebih cerewet (teliti) kerana melibatkan proses yang lebih panjang. Secara perbandingan, kaedah kutipan cukai pendapatan lebih sukar berbanding GST yang dikutip

oleh peniaga bagi pihak kerajaan. Ia tidak perlu taksiran dan sebagainya," katanya.

Di negara-negara yang majoriti rakyatnya bergaji tinggi dan membayar cukai, apabila kerajaan menukar daripada cukai pendapatan kepada GST, Rafizi berkata, kädar cukai pendapatan dikurangkan kerana peralihan kepada GST itu bukan untuk mengutip cukai tambahan tetapi berikutan ia adalah kaedah yang lebih baik untuk mengutip cukai.

"Kita perlu sampai ke peringkat itu (pendapatan rakyat lebih baik) terlebih dahulu (sebelum perlaksanaan GST).

"Jadi dalam keadaan majoriti rakyat Malaysia belum ke tahap itu (pendapatan lebih baik), kalau kita laksanakan GST, kumpulan yang pendapatan mereka tidak perlu membayar cukai...terpaksa berbuat demikian (bayar cukai)," kata dia. - Bernama